



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA BAGI MAJLIS GRADUASI *SAS CERTIFIED DATA SCIENTIST*

---

### MEMBINA KAPASITI TENAGA KERJA DIGITAL DENGAN LEBIH RAMAI SAINTIS DATA YANG DIIKTIRAF

**PUTRAJAYA, 28 Mac 2022** – Seramai sepuluh (10) orang Saintis Data di bawah program kerjasama *DOSM – SAS Institute* akan diraikan pada majlis graduasi hari ini. Terdahulu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telahpun mempunyai sembilan (9) Saintis Data yang telah menjalani program yang sama pada tahun 2018. Program *SAS-Certified Data Scientists* adalah inisiatif berterusan DOSM bagi pembangunan kapasiti Saintis Data dengan penggunaan aplikasi Sains Data sepenuhnya dalam menghasilkan statistik rasmi. Kemahiran saintis data adalah penting dalam merealisasikan inisiatif Ekonomi Digital Nasional dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Majlis graduasi hari ini berlangsung di Le Meridien Putrajaya, disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Sehingga kini, DOSM telah mengiktiraf 19 Saintis Data di Jabatan dengan kemahiran penting yang diperlukan seperti statistik, penyusunan data, analisis lanjutan, kecerdasan buatan dan pembelajaran mesin. Ini telah membantu DOSM dalam menyediakan input bagi penggubalan dasar yang lebih komprehensif dan tepat berpacuan data dan membangunkan kepakaran analisis data yang lebih mendalam di peringkat Jabatan. Memandangkan DOSM merupakan agensi kerajaan pertama di dunia yang mempunyai Saintis Data yang diperakui SAS pada 2018, banyak agensi kerajaan di seluruh negara kini mengikuti jejak langkah DOSM untuk memiliki bakat yang sama dalam organisasi mereka dan mengakui kepentingan Sains Data dalam membuat keputusan."

Mengulas mengenai perkembangan terkini mengenai inisiatif Analitik Data Raya dalam DOSM, beliau berkata bahawa "Evolusi data dan teknologi telah membawa kepada

pembinaan kapasiti berterusan untuk merapatkan jurang khususnya dalam Sains Data. Pelbagai projek berkaitan mengenai Analitik Data Raya yang sedang dijalankan oleh Jabatan adalah *Statistics Big Data Analytics (StatsBDA)*, *Statistics Data Warehouse (StatsDW)*, *Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS)*, Pangkalan Data Perlindungan Sosial (*PDPS*) dan *Labour Market Information and Analytics Platform (LMIAP)*."

Melangkah ke hadapan, DOSM kini sedang mempercepatkan inisiatif penubuhan Pusat Analitik Data Raya/ *National Big Data Analytics Centre (NBDAC)* dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). NBDAC berfungsi sebagai pusat data nasional yang merapatkan jurang data merentasi kedua-dua sektor awam dan swasta menggunakan analitik dan teknologi termaju, yang akhirnya menawarkan perkhidmatan sokongan keputusan kepada semua industri.

Permintaan untuk statistik bagi penggubalan dasar berasaskan bukti semakin meningkat dari semasa ke semasa. Justeru, Pengukuhan Sistem Statistik Negara (PSSN) akan diperkasa melalui DOSM sebagai agensi pusat dengan pengukuhan organisasi serta modenisasi perkhidmatan statistik negara. Antara agenda PSSN adalah melalui penubuhan Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) sebagai badan penasihat tertinggi dalam memberi hala tuju kepada sistem statistik negara dan penyelarasan maklumat peringkat kebangsaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**28 MAC 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **PRESS STATEMENT FOR SAS CERTIFIED DATA SCIENTISTS GRADUATION CEREMONY**

---

### ***BUILDING DIGITAL WOKFORCE CAPACITY AS MORE SAS-CERTIFIED DATA SCIENTISTS ONBOARD***

***PUTRAJAYA, 28 March 2022*** – A total of ten (10) Data Scientists under the DOSM - SAS Institute collaboration program will be celebrated at the graduation ceremony today. Previously, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) already had nine (9) Data Scientists which undergone the same program in 2018. The SAS-Certified Data Scientists program is a continuous initiative of Data Scientist Capacity Building to full force of Data Science application in producing official statistics. Data scientists' certification is significant towards realizing the National Digital Economy and Fourth Industrial Revolution (4IR) initiatives. The graduation ceremony today took place at Le Meridien Putrajaya, officiated by the Chief Statistician Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "To date, DOSM has successfully certified 19 Data Scientists in the Department with essential skills required—such as statistics, data curation, advanced analytics, AI and machine learning. This has helped DOSM to provide input for more comprehensive and accurate data-driven policy formulation and developing deeper data analytics expertise in-house. Since DOSM became the world's first-ever government agency to have SAS-certified Data Scientists in 2018, more government agencies nationwide are following the path to have such talents in their organisations, acknowledging the importance of Data Science in decision making."

*Commenting on the latest development on Big Data Analytics initiatives in DOSM, he said that "the evolution of data and technology has led to a continuous capacity building to close the gap specifically in Data Science. Various related projects on Big Data Analytics currently undertaken by the Department are Statistics Big Data Analytics (StatsBDA), Statistics Data Warehouse (StatsDW), Malaysia Integrated Population Census System (MyIPCS), Social Protection Database (PDPS) and Labour Market Information and Analytics Platform (LMIAP)."*

*Moving ahead, DOSM is currently speeding up the initiative of establishing the National Big Data Analytics Center (NBDAC) in collaboration with the Ministry of Communications and Multimedia and the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). NBDAC serves as a national data centre that bridges the data gap within and across both public and private sectors utilising advanced analytics and technologies, which ultimately offers decision support as-a-service to all industries.*

*The demand for the statistics for evidence-based policy has significantly increased. Thus, the Strengthening of National Statistical System (PSSN) will be enhanced through DOSM as the central agency by strengthening the organization and modernization of national statistical services. Among the agenda of PSSN is through the establishment of the National Statistics and Data Council (MSDN) as the highest advisory body with regards to national data and analysis that will provide guidelines to strengthen the management of the national statistics system.*

*The Department of Statistics Malaysia is conducting Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 until 31st December 2022. The Department is gratefully acknowledges the co-operation provided by the selected respondents to share the information to DOSM's officer's and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for further info.*



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**28<sup>th</sup> MARCH 2022**